

NO. SOALAN : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

TARIKH : 17 MAC 2016

RUJUKAN : 8769

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Syarikat Real Time Networking dalam isu 1.5 juta pekerja Bangladesh. Dalam sektor mana, mereka ini ditempatkan dan mengapa Kerajaan tidak mengadakan dasar terbuka supaya pekerja tidak mengira negara asal mereka dibenarkan diambil bekerja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah melantik Syarikat Real Time Networking untuk memberi perkhidmatan ataupun terlibat dalam aktiviti pengurusan pekerja asing.

Kerajaan juga telah memutuskan untuk menghentikan pengambilan pekerja asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 17.3.2016

SOALAN : NO. 53

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah kolej komuniti yang berdaftar dan beroperasi aktif di Malaysia mengikut negeri dan kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 92 Kolej Komuniti yang berdaftar dan beroperasi aktif di Malaysia. Berikut merupakan jumlah Kolej Komuniti mengikut negeri:

- a) Negeri Perak – 12;
- b) Negeri Selangor – 10;
- c) Negeri Pahang – 10;
- d) Negeri Kelantan – 3;
- e) Negeri Johor – 12;
- f) Negeri Kedah – 9;
- g) Negeri Melaka – 6;
- h) Negeri Sembilan – 4;
- i) Negeri Pulau Pinang – 7;
- j) Negeri Perlis – 1;
- k) Negeri Terengganu – 3;
- l) Negeri Sarawak – 6; dan
- m) Negeri Sabah – 9.